

Empat struktur haram dibina atas rizab jalan awam dirobohkan



Kerja-kerja merobohkan struktur haram dilakukan di kawasan Parlimen Bandar Tun Razak pada Rabu lalu.

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak merobohkan empat struktur haram dibina di atas rizab jalan awam dalam satu operasi bersepadu di sekitar kawasan Parlimen Bandar Tun Razak di sini pada Rabu.

Menurut DBKL, operasi tersebut dijalankan bersama agensi-agensi lain termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Tenaga Nasional Berhad, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

“Sebanyak empat unit struktur yang dibina di atas rizab jalan awam tanpa kelulusan telah dikenakan tindakan roboh serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974,” katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Dalam pada itu, DBKL turut menjelaskan operasi sedemikian akan diteruskan secara berkala untuk memastikan kepatuhan terhadap peraturan dan undang-undang di kawasan pentadbirannya.

Menurutnya, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat menerusi pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.